

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN  
AKTIVITI PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN (BUKAN PUSAT URUT)  
MAJLIS DAERAH MERSING**

1. Dinding hadapan premis dan pintu masuk premis pusat penjagaan kesihatan hendaklah terdiri daripada cermin telus cahaya dan permukaan cermin tersebut hendaklah bebas dari sebarang pelekat, poster, 'tinted atau apa-apa yang boleh menghalang pandangan. Pintu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
2. Pemohon tidak dibenarkan membuat apa-apa sekat (partition) samada berbentuk kekal (konkrit) atau separuh kekal (gypsum board). Walaubagaimana, partition boleh dipertimbangkan dengan syarat terdapat kelulusan pihak Majlis.
3. Reka bentuk bilik rawatan hendaklah mengikut konsep terbuka dan mestilah mempunyai cahaya dan pengudaraan yang sempurna dan mencukupi.
4. Pemegang lesen dilarang mempamerkan bahan lucah dalam premis urut atau sekitarnya dan papan tanda hendaklah dipamerkan pada setiap masa ditempat yang mudah dilihat di luar rumah urut.
5. Pemegang Lesen hendaklah mempamerkan papan tanda yang mudah dilihat untuk dipatuhi oleh pekerja dan pelanggan iaitu:
  - a. Dilarang Merokok
  - b. Dilarang Minum Arak
  - c. Dilarang Main Judi
6. Satu buku daftar yang mengandungi nama, no.kad pengenalan/passport, alamat kediaman, gambar dan butiran yang berkaitan dengan pekerja dan tukang urut hendaklah disediakan dan sentiasa dikemaskini.
7. Pekerja dan tukang urut yang berumur di bawah 18 tahun tidak dibenarkan.
8. Pekerja hendaklah berpakaian seragam yang bersih, sopan dan tidak menjolok mata.
9. Semua pekerja-pekerja hendaklah memakai tag nama.
10. Pelanggan di bawah umur 18 tahun perlu ditemani oleh ibu bapa penjaga.

**PERHATIAN**

Syarat-syarat di atas masih terus berkuatkuasa sekiranya tempoh permit ini diperbaharui atau dilanjutkan sehingga ada arahan bertulis daripada Majlis Daerah Mersing membatalkan syarat-syarat tersebut.